

12578

Hanapi Dollah & Lokman Mohd Zen (editor). Kebudayaan Melayu diambang abad baru. Bangi: Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1995.

Norma Hidup Adat Perpatih

Norazit Selat

Pengenalan

Di Malaysia, apabila kita berbicara tentang adat, akan terjelma kepada kita dua sistem adat yang dikatakan diamalkan oleh orang Melayu, iaitu, Adat Perpatih dan Adat Temenggung. Adat Perpatih diamalkan di Negeri Sembilan dan Naning, Melaka; sementara Adat Temenggung pula dikatakan diamalkan di negeri-negeri Melayu lain. Terdapat perbezaan-perebezaan yang nyata di antara kedua-dua sistem ini. Sistem Adat Perpatih berbentuk matrilineal, iaitu keturunan seseorang individu itu disusurgalurkan mengikut nasab ibu. Oleh itu dalam Adat Perpatih terdapat sistem perut dan suku dan seseorang individu itu adalah ahli sesuatu perut dan suku dan seseorang individu itu adalah ahli sesuatu perut dan suku. Terdapat dua belas suku semuanya di Negeri Sembilan dan juga di Naning tetapi nama-nama suku di kedua-dua daerah tidak semuanya sama. Di Negeri Sembilan suku yang dua belas itu ialah Biduanda, Paya Kumbuh, Mungkal, Tiga Nenek, Tanah Datar, Seri Melenggang, Seri Lemak, batu Hampar, Batu Belang, Anak Melaka, Anak Aceh dan Tiga Batu. Di Naning pula suku-sukunya adalah Seri Melenggang Tabuh, Anak Melaka, Tiga Batu, Mungkal, Tiga Nenek, Paya Kumbuh, Tanah Datar, Batu Hampar, Biduanda Dagang, Biduanda Segamat dan Biduanda Rembau. Di samping itu suku-suku ini juga ada pecahan-pecahan kecil yang lain, contohnya, suku Seri Lemak terbahagi kepada dua, iaitu Seri Lemak Pahang dan Seri Lemak Minangkabau.

Sistem Adat Temenggung pula bersifat patrilineal dan keturunan seseorang individu disusurgalurkan mengikut nasab bapa. Ada juga orang yang mengaitkan Adat Temenggung ini masih kurang jelas bentuknya. Umumnya sistem ini digunakan untuk menjelaskan cara hidup yang dikatakan berlainan dan bertentangan dengan Adat Perpatih. Oleh kerana Adat Perpatih mewariskan harta pusakanya kepada anak perempuan maka Adat Temenggung pula dikatakan mewariskan harta pusakanya kepada anak lelaki. Walau bagaimanapun, hal ini tidak benar kerana Adat Temenggung pula dikatakan mewariskan harta pusakanya kepada anak lelaki. Walau bagaimanapun, hal ini tidak benar kerana Adat Temenggung juga mewariskan harta pusaka kepada anak perempuan, cuma jumlah bahagiannya sahaja yang berbeza (Hooker,

1970: ix). Kadangkala terdapat juga kes pemberian harta pusaka kepada anak perempuan melalui wasiat atau pembahagian harta sebelum bapa meninggal dunia (Hooker, 1976).

Di dalam makalah ini tumpuan akan hanya diberikan kepada sistem Adat Perpatih kerana ia merupakan satu sistem yang jelas. Walaupun ia merupakan warisan tradisi lisan tetapi banyak yang telah ditulis tentangnya. Maka ini memudahkan penganalisan. Sebagai satu cara hidup Adat Perpatih adalah satu sistem sosial yang lengkap. Di dalamnya juga terkandung satu sistem norma dan nilai yang jelas lagi komprehensif. Di dalam mana-mana sistem sosial, norma dan nilailah yang menentukan keperibadian sesuatu bangsa. Malah identiti sesuatu bangsa itu juga ditentukan oleh norma dan nilai. Maka oleh kerana norma dan nilai adalah nadi kepada sesuatu bangsa, maka sebarang usaha untuk mewujudkan kebudayaan kebangsaan mestilah memupuk pembentukan keperibadian dan identiti ini terlebih dahulu. Makalah ini menyarankan supaya sistem norma dan nilai Adat Perpatih diserapkan ke dalam Kebudayaan Kebangsaan Malaysia.

Konsep Nilai Diri dalam Adat Perpatih

Nilai diri adalah penting kerana ia membentuk apa yang dikatakan peribadi atau *character* seseorang individu. Peribadi, seperti sifat-sifat lain yang bersifat *binary* dan berlawanan, dinilai dari segi baik dan buruknya. Masyarakat Melayu umumnya menyanjung tinggi mereka yang berperibadi tinggi. Orang ini dianggap sebagai manusia yang mulia. Manusia mulia di antara lain mestilah beriman, berakal, berbudi, bertanggungjawab, berbudi bahasa dan berbudi pekerti. Kesemua sifat-sifat ini adalah *level* atau peringkat tingkahlaku yang harus diperolehi oleh seseorang manusia Melayu sepanjang hayatnya. Sifat-sifat ini tidak mungkin dicapainya serentak tetapi dipelajari melalui proses sosialisasi, sama ada sosialisasi asas (*primary*) ataupun sekunder. Sosialisasi asas diperolehi melalui tunjuk ajar dan bimbingan kedua-dua orang tuanya dan sosialisasi sekunder pula didapati dari orang lain yang bukan ahli keluarganya.

Akal

Di dalam perkataan yang paling mudah akal bermaksud cerdik dan *resourceful* tetapi akal di dalam konteks budaya Melayu ia lebih dari itu. Akal, mengikut Wilkinson (1959: 13) ialah *reasoning* atau menggunakan *mind as the organ of thought*. Jadi orang yang berakal boleh menimbang dan membuat perbezaan dan penentuan berdasarkan *binary* baik dan

buruk, betul dan salah, hina dan mulia dan sebagainya. Keupayaan untuk berfikir dan membuat perbezaan inilah yang membezakan manusia dari haiwan. Semua manusia mesti mempunyai akal yang paling asas sekali atau *common sense*.

Di dalam Adat Perpatih akal yang dikatakan paling asas ini terdapat dalam istilah adat yang sebenarnya adat. Contohnya semua orang mesti tahu bahawa adat kambing mengembek dan adat lembu menguak, adat api membakar dan adat air membasah dan sebagainya. Dengan mempunyai *common sense* seseorang individu itu akan dapat mengelakkan dirinya dari ditimpa bencana dan pada masa yang sama membuat keputusan-keputusan yang rasional yang menguntungkan bukan sahaja dirinya tetapi juga masyarakat. Orang yang rasional akan bertindak dengan waras tanpa dipengaruhi oleh emosi-emosi yang akan merugikannya. Banyak masalah yang dihadapi oleh individu khususnya dan masyarakat umumnya, boleh diselesaikan dengan menggunakan akal atau *common sense* ini.

Mengikut Adat Perpatih sifat akal atau junjung akal ada empat. Pertama, pandai menimbang atau membezakan berat dan ringan, kedua, pandai menimbang tinggi dan rendah, ketiga, pandai menimbang di antara untung dan rugi, dan yang keempat, pandai menimbang sepersalin tubuh, maksudnya tahu memakai pakaian yang sesuai dengan keadaan atau majlis (Datuk Sangguno Diraja, 1987: 77). Walau bagaimanapun seseorang itu akan hilang pertimbangan akalnya sekiranya dia takut, dia malu atau kerana dia bebal. Jadi orang yang berakal mestilah berani kerana benar dan tidak berperasaan malu, kerana orang yang malu bertanya akan sesat jalan dan hilang punca. Adat Perpatih juga menghuraikan bahawa bebal terdiri dari tiga iaitu:

pertama, bercakap kosong atau berkata-kata tanpa memberi sebarang manfaat, kedua, bermegah-megah atau membesar-besarkan diri, dan ketiga memperkecilkan sumbangan orang sedangkan dia sendiri tidak menyumbangkan apa-apa (Dato Sangguno Diraja, 1987: 79)

Seperti yang telah dijelaskan seseorang individu itu mestilah berani menegakkan keadilan dan kebenaran. Namun demikian dia tidak boleh bersifat kasar dan kurang sopan kerana ini melanggar tata tertib orang yang dikatakan beradat. Sebagai manusia yang berbudi dia mesti mengikut lunas-lunas yang telah ditetapkan oleh masyarakatnya.

Adat Perpatih ada caranya yang tersendiri untuk menyelesaikan sebarang masalah yang timbul, iaitu melalui perbincangan atau muafakat. Di dalam majlis inilah dialog akan dilakukan dan keadilan serta kebenaran akan berdiri dengan sendirinya. Pada majlis dialog inilah akan dikemukakan semua hujah-hujah. Mereka yang berbincang dan berhujah

mestilah telah mendalami hukum-hukum adat terlebih dahulu. Perbilangan adat ada mengatakan:

Melawan guru dengan kajinya,
Melawan buapak/lembaga dengan adatnya

Budi

Perkataan budi mempunyai berbagai makna. Di antara lain budi bermaksud jasa atau sumbangan yang diberikan kepada seseorang. Orang yang berbuat jasa atau berbudi tidak menuntut sebarang balasan kerana apa yang dilakukannya lahir dari keikhlasan hati budinya. Orang yang menerima budi juga tidak dituntut menimbalk balik budi yang diterima, memadai budi itu menjadi kenangan yang abadi.

Pisang emas dibawa belayar,
Masak sebiji di atas peti
Hutang emas boleh dibayar
Hutang budi dibawa mati.

Pulau Pandan jauh ketengah
Di balik Pulau Angsas Dua
Hancur badan dikandung tanah
Budi yang baik dikenang juga.

Di dalam kes ini budi adalah sesuatu yang terhasil dari jiwa raga atau kalbu orang Melayu. Ia tidak kelihatan tetapi sebaliknya dirasakan dengan mendalam oleh orang yang menerima budi itu. Ia adalah sesuatu yang *internal* atau dalaman.

Konsep budi juga dikaitkan dengan pelaksanaan *external* atau luarnya. Dalam hal ini konsep budi akan dipasangkan dengan perkataan lain untuk mewujudkan orang Melayu yang dikatakan beradat atau bertertib. Contohnya perkataan-perkataan budi bahasa dan budi pekerti. Konsep-konsep ini menampakkan kehalusan tingkahlaku orang Melayu yang dikatakan beradat itu.

Konsep budi memainkan peranan yang penting di dalam semua aspek kehidupan masyarakat Adat Perpatih. Sebelum konsep budi ini didalami atau di*internalised* oleh masyarakat Adat Perpatih, ia perlu disematkan dan diabadikan dalam jiwa setiap individu itu terlebih dahulu. Setiap individu diingatkan bahawa dia mempunyai peranan yang penting dalam masyarakatnya.

Individu dalam Adat Perpatih mesti tahu berjasa seperti kata pepatah:

Hati gajah sama dilapah
 Hati kuman sama dicecah
 Ke bukit sama didaki
 Ke lurah sama dituruni
 Berat sama dipikul
 Ringan sama dijinjing

Individu tersebut juga mesti berbudi bahasa dan berbudi pekerti tinggi. Dia mesti tahu menghormati orang yang lebih tua darinya dan pada masa yang sama pandai menyesuaikan diri mengikut keadaan dan masa.

Masuk kandang kambing mengembek
 Masuk kandang kerbau menguak
 Mana bumi dipijak
 Di situ langit dijunjung.

Dia juga mesti tahu memainkan peranannya dalam masyarakat dan mengenali dengan mendalam dirinya sendiri. Kalau dia seorang lelaki dia mesti faham tentang peranannya yang berubah (*interchangeable roles*) di antara Orang Tempat Semenda dan Orang Semenda. Dia mempunysai hak yang istimewa di tempatnya sendiri tetapi sebagai Orang Semenda di rumah isterinya, dia mesti mengikut dan patuh kepada arahan dan tunjuk ajar sanak saudara isterinya.

Orang Semenda mesti bermurah hati dan berbudi kepada Orang Tempat Semendanya setakat apa yang patut. Seperti kata perbilangan adat:

Kalau alim minta doanya
 Kalau kaya minta ringgitnya
 Kalau cerdik minta akal nya
 Kalau rimbuni minta berteduh

Kalau individu itu perempuan dia juga mesti tahu bahawa dia juga memainkan peranan yang berbeza. Contohnya sebagai isteri, dia mesti patuh kepada suaminya kerana di lingkungan bendul yang empat suami masih raja, (walaupun suami tertakluk kepada syarat-syarat sebagai Orang Semenda). Sebagai perempuan dialah pewaris dan penyambung zuriat suku dan adatnya. Walaupun tanah pesaka diwariskan kepada kaum perempuan tetapi dia mesti tahu bahawa saudara kandung lelaki berhak memakan hasil tanah persaka itu. Tegasnya kaum perempuan Adat Perpatih juga mesti berbudi kepada saudara-mara dan masyarakatnya.

Maruah

Maruah ialah harga diri seseorang individu pada pandangan masyarakatnya. Pada masyarakat Melayu, maruah berkait rapat dengan konsep nama baik. Seseorang individu yang bemarkuah tahu menjaga nama baiknya dan juga keluarganya. Sekiranya dia berlaku sumbang nama baik keluarga dan sukunya juga tercemar.

Konsep maruah sememangnya ditekankan dalam Adat Perpatih. Seperti kata pepatah:

Harimau mati meninggalkan belang
Gajah mati meninggalkan gading
Manusia mati meninggalkan nama

Individu dalam Adat Perpatih itu mestilah meninggalkan nama yang baik, supaya dia menjadi sebutan dan *role model* untuk generasi yang akan datang.

Untuk menjadi manusia yang bemarkuah seseorang individu itu mestilah mempunyai sifat malu. Dia malu bukan kerana takut tetapi dia malu kerana dia insaf dan mahu memperbaiki keadaan. Dia mesti berikhtiar untuk meningkatkan lagi nama dan harga dirinya.

Berani dan Tanggungjawab

Adat Perpatih juga menekankan nilai-nilai berani dan tanggungjawab kepada ahli-ahlinya. Seseorang individu itu bukan sahaja berani, dalam ertikata gagah, mempertahankan maruah sukunya, tetapi dia juga mesti berani bertindak dan membuat keputusan-keputusan yang difikirkan sesuai dengan keadaan dan masa. Dia mesti berpegang teguh kepada perbilangan, berani kerana benar.

Sifat berani tidak boleh berdiri dengan sendirinya. Ia mestilah berpaksikan nilai tanggungjawab. Individu yang berani mestilah juga bertanggungjawab ke atas tindakan-tindakan yang dilakukannya. Pada masa yang sama dia juga mesti berani mengaku bersalah sekiranya dia telah membuat kesilapan atau pertimbangan yang tidak wajar. Jadi orang yang cetek ilmunya janganlah berani hendak menduga orang yang lebih arif tentang adat.

Konsep Masyarakat dalam Adat Perpatih

Seperti masyarakat lain, masyarakat Adat Perpatih juga mempunyai nilai-nilai masyarakatnya yang tersendiri. Nilai-nilai ini ditekankan melalui

proses sosialisasi sekunder dan proses demonstratif. Masyarakat Adat Perpatih dari kecil lagi telah didedahkan kepada nilai-nilai ini. Mereka inilah pewaris sistem Adat Perpatih dan merekalah yang bertanggungjawab memastikannya tidak lapuk oleh hujan dan tidak lekang oleh panas.

Pada orang yang mengamalkan Adat Perpatih, masyarakat itu penting kerana melalui masyarakatlah terpancarnya identiti. Jadi masyarakat adalah satu kesatuan di mana ahli-ahlinya berkongsi aspirasi dan pengalaman yang sama. Identiti masyarakat Adat Perpatih iaitu boleh dikenali melalui dua cara. Pertama, melalui keahliannya di dalam sesebuah suku dan kedua, melalui kelahirannya ke dalam sistem yang mengamalkan Adat Perpatih. Penerapan nilai masyarakat Adat Perpatih dapat dilihat dari beberapa aspek, antaranya:

Perpaduan

Sekiranya sesuatu masyarakat itu mahu maju dan berjaya mencapai matlamatnya maka setiap individu dalam masyarakat itu mestilah bersatu padu. Mereka mestilah sehati sejiwa dan sanggup mempertahankan keharmonian di kalangan mereka. Di dalam Adat Perpatih perbilangan mengatakan

Adat sentosa dalam negeri.

Jadi di dalam Adat Perpatih hukum adat yang diwujudkan adalah bertujuan untuk mengekalkan keharmonian. Bila masyarakat harmoni maka akan wujud perpaduan. Di antara konsep harmoni dan perpaduan terdapat seolah-olah satu timbal balik. Yang satu melengkapi yang lain.

Kekuatan Adat Perpatih adalah pada perpaduan yang wujud di kalangan ahli-ahlinya. Setiap individu dalam masyarakat Adat Perpatih mestilah mementinglah perpaduan kerana bersatu itu teguh dan bercerai mereka akan rohoh. Perbilangan adat juga memesankan aspek ini:

Seikat seperti sirih
 Serumpun seperti serai
 Seciap seperti ayam
 Sedencing seperti besi
 Malu tak boleh diañih
 Suku tak boleh dianjak
 Melompat sama patali
 Menyerudup sama bongkok
 Jalan sedundun
 Selenggang seayun

Timbang Rasa dan Jujur

Manusia yang hidup bermasyarakat mestilah juga bertimbang rasa dan jujur. Setiap perlakuannya mestilah berpaksikan kedua-dua nilai ini. dia mesti bertimbangrasa, dalam ertikata, dia mesti menilai dengan mendalam kesan perlaksanaannya ke atas individu lain. Dia mesti meletakkan dirinya dalam kedudukan orang yang hendak diambilnya tindakan sebelum dia membuat sebarang keputusan. Mengikut perbilangan,

Yang elok dek awak itu
Setuju dek orang hendaknya
Sakit dek awak sakit dek orang
Lemak dek awang lemak dek orang

Jika seseorang itu prihatin dan sensitif terhadap orang lain maka dia tidak akan bertindak mengikut seleranya. Dia akan menghormati perasaan orang lain.

Adat Perpatih juga menggalakkan setiap ahlinya supaya jujur. Individu tersebut mestilah amanah dan ikhlas tanpa mempunyai niat yang lain apabila menggerakkan sesuatu inisiatif. Dia mesti jujur pada dirinya dan juga kepada suku dan masyarakatnya. Apabila dia diberi kuasa dia mestilah jujur menjalankan tanggungjawab dan tidak menyalahgunakan kuasa yang diberikan itu. Seperti kata pepatah,

Kok gadang jangan melanda
Kok cerdik jangan menipu

Kalau yang kuat sentiasa menggunakan kekerasan untuk menyelesaikan sebarang masalah yang timbul dan sekiranya yang cerdik pula sering menipu yang bodoh maka masyarakat akan menjadi porak-peranda. Sebaliknya akan wujud anarki. Keharmonian masyarakat yang telah diwujudkan akan turut musnah.

Persefahaman

Untuk mewujudkan suasana yang harmoni dan bersatu padu setiap ahli masyarakat mestilah mempunyai persefahaman. Mereka bukan sahaja faham tentang perasaan orang lain tetapi mereka tahu bila hendak bertolak ansur dan menerima pendapat atau pandangan orang lain.

Di dalam Adat Perpatih nilai yang diutamakan untuk mencapai persefahaman ialah muafakat. Muafakat adalah ibu atau teras kepada sistem Adat Perpatih itu sendiri. Mengikut perbilangan,

Bulat air kerana pembentung
 Bulat manusia kerana muafakat
 Faham sesuai, benar seukur
 Bulat segolek, pipih selayang
 Rundingan jangan selisih
 Muafakat jangan bercanggah
 Tuah pada sekata
 Berani pada seiya

Kepatuhan dan Kesetiaan

Setiap individu mestilah patuh dan setia kepada kelompoknya. sebagai orang yang berbudi dia mesti patuh kepada arahan orang yang lebih tua dan berwibawa darinya. Keharmonian dan perpaduan akan hanya diwujudkan apabila setiap individu tahu kedudukannya di dalam hirarki sosial masyarakatnya.

Adat Perpatih menjelaskan nilai ini dalam perbilangan berikut:

Bila bersemenda di mana-mana suku
 Sahlah kata adat
 Air orang disauk
 Ranting orang dipatah
 Adat orang diturut
 Di mana bumi dipijak
 Di situ langit dijunjung
 Masuk kandang kerbau menguak
 Masuk kandang kambing mengembek
 Bagaimana adat di tempat semenda dipakailah

Seseorang individu dalam Adat Perpatih juga mesti taat setia kepada suku dan negerinya. Dia mestilah mempertahankan maruah masyarakatnya dan jangan sesekali dia derhaka atau belot. Mengikut perbilangan,

Adat bersaudara, saudara dipertahankan
 Adat berkampung, kampung dipertahankan
 Adat bersuku, suku dipertahankan
 Adat bernegeri, negeri dipertahankan

Kesimpulan

Pada keseluruhannya nilai diri dan nilai masyarakat yang terdapat dalam

Adat Perpatih bertujuan untuk melahirkan manusia yang dikatakan arif dan budiman. Individu tersebut bukan sahaja cerdik tetapi dia juga beriman dan akan menaburkan baktinya untuk bangsa dan negaranya tanpa mengira untung atau rugi. Sumbangannya kepada masyarakatnya adalah ikhlas.

Di dalam Adat Perpatih, masyarakat itu lebih penting dari individu. Maka dengan itu lahir perbilangan biar mati anak jangan mati adat. Walau bagaimanapun, di dalam kes ini, yang dimaksudkan dengan adat itu ialah hukum atau undang-undang adat dan bukannya adat istiadat. Setiap individu di samping berbakti kepada dirinya mestilah juga menyumbang kepada kesejahteraan dan kemajuan masyarakatnya. Dia mestilah menabur budi kepada mereka yang memerlukannya. dia tidak boleh bersifat seperti enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing.

Selain dari mempunyai nilai-nilai yang disebutkan, secara idealnya, seseorang individu dalam masyarakat Adat Perpatih itu mestilah mempunyai tiga sifat yang seimbang dalam dirinya, atau apa yang disebut sebagai tungku tiga sejerangan atau tali berpilin tiga. Ketiga-tiga sifat itu ialah iman, ilmu dan kekayaan. Ketiga-tiga sifat ini akan mengukuhkan lagi sifat individu itu sebagai manusia yang arif dan budiman.

Kesemua nilai-nilai ini adalah baik dan sejagat sifatnya. Nilai-nilai ini harus direnungi dengan mendalam dan pada masa yang sama diterapkan ke dalam pembetulan peribadi masyarakat Malaysia keseluruhannya sesuai dengan idea bahawa Kebudayaan Kebangsaan itu mestilah berteraskan kebudayaan Melayu.

Rujukan

- Datoek Toeh, (t.t.). *Tambo Alam Minangkabau*. Bukit Tinggi: Pustaka Indonesia.
- Datuk Singguno Dirajo. 1987. *Curatan Adat Alam Minangkabau*. Bukit Tinggi: Pustaka Indonesia.
- Hooker, M.B. (ed.). 1970. *Readings in Malay Adat Laws*. Singapore: Singapore University Press.
- Hooker, M.B. (ed.). 1976. *The Personal Laws of Malaysia: An Introduction*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- idrus Hakimy Dt. Rajo Penghulu, 1991. *PEGANGAN: Penghulu, Bundo Kanduang dan Pidato Ahua Persambaban Adat di Minangkabau*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Norazit Selat. 1982. "Konsep Pusaka dalam Masyarakat Adat Perpatih: Satu Catatan Ringkas", *PURBAI, Jurnal Persatuan Muzium Malaysia*, Bil. 97-104.

- Norazit Selat. (ed.). 1990. *Negeri Sembilan: Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Norazit Selat. 1994. "Nilai dan Kepemimpinan dalam Adat Perpatih", *Buletin Nilai dan Etika*, INRAN, Jilid 3, Bil. 1.
- Nordin Selat. 1976. *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu Press.
- Wilkinson, R.J. 1959. *A Malay-English Dictionary*. London: macMillan & Co.